

Kerajaan galak projek akuakultur

Bagi memastikan bekalan protein negara sentiasa mencukupi

Oleh SARINAH MAT KASIM

MELAKA

Meskipun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan sejak 18 Mac lalu, hasil tangkapan ikan dan aktiviti pendaratan hasil laut tidak terjejas, malah beroperasi seperti biasa.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, bagi memastikan bekalan protein negara sentiasa mencukupi, pihaknya kini menggalakkan projek akuakultur sebagai penyumbang kepada salah satu tanaman dan hasil laut.

Menurutnya, kementerian bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengambil inisiatif mengusahakan projek memternak udang harimau di atas tanah milik LKIM.

“Projek dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kebangsaan, Persatuan Nelayan Negeri Melaka dan Persatuan Nelayan Kawasan di Kampung Sebatu, Mukim Sebatu di Melaka melibatkan



Ronald (kanan) dan Ahmad (tengah) melawat projek ternakan udang harimau di Sebatu dekat Melaka semalam.

kawasan seluas 98.86 hektar,” katanya selepas melawat Kolam Ternakan Udang Harimau Kampung Sebatu di sini semalam. Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Ronald berkata, pembangunan Projek Ternakan Udang LKIM, Sebatu diletakkan di bawah *High Impact Project Zon Industri Akuakultur (HIP-ZIA)* bagi tujuan memberi tumpuan ke arah meningkatkan pengeluaran ikan negara berskala komersial yang selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3).

Menurutnya, pembangunan projek tersebut melibatkan empat fasa dengan jumlah keseluruhan pengeluaran udang untuk Projek Ternakan Udang LKIM bagi Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3

pada tahun 2018 hingga 2019 mencatatkan pengeluaran keseluruhan berjumlah 221,598.40 kilogram (kg) dengan nilai sebanyak RM6,854,284.

“Sementara itu, jumlah pengeluaran udang untuk Fasa 2 pada 2019 mencatatkan pengeluaran berjumlah 122,315.1kg dengan nilai sebanyak RM3,847,285.63, manakala pada 2018, ia mencatatkan pengeluaran berjumlah 64,096kg dengan nilai sebanyak RM1,932,775.

“Bagi fasa keempat, seluas 10 hektar tanah telah diperuntukkan dengan penyediaan 10 kolam ternakan dan satu kolam takungan yang dijangka beroperasi pada tahun 2022,” katanya.

Beliau berkata, antara jenis udang yang diternak ialah jenis udang harimau iaitu salah satu



Ronald (kiri) dan Ketua Pengarah LKIM, Othman Abdul Latiff menunjukkan udang harimau yang dituai ketika mereka melawat projek ternakan udang harimau di Sebatu dekat Melaka semalam.

spesies udang air payau/laut yang sesuai diternak di kolam kerana mempunyai daya ketahanan yang tinggi dan kadar tumbesaran yang cepat.

Menurutnya, udang harimau boleh dituai antara 120 hingga 180 hari dan purata harga jualan pada harga RM35 hingga RM45 sekilogram, bergantung kepada harga pasaran semasa.

“Pencapaian ini sangat membanggakan apabila Persatuan Nelayan Negeri Melaka mengambil langkah memperkukuhkan rantaian pemasaran udang di negeri ini.

“Mereka bekerjasama dengan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan Persatuan Nelayan Kawasan untuk memastikan bekalan udang mencukupi serta konsisten di

Melaka khususnya dan seluruh negara amnya,” kata beliau.

Ronald berkata, bagi memenuhi permintaan peminat udang harimau, Nekmat turut membuat jualan ikan menggunakan khidmat penghantaran (*runner*) yang berpusat di Pusat Pengumpulan dan Pengedaran (CCDC) Nekmat di Taman Wahyu, Kuala Lumpur.

“Penghantar melalui *runner* Nekmat melibatkan kawasan Putrajaya, Kajang, Damansara, Sungai Buloh, Rawang, Gombak, Selangang dan Ampang terus ke rumah pengguna.

“Malah, Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pasar Borong Meru, Klang serta pemborong dan peruncit di sekitar Kuala Lumpur turut mendapat permintaan bekalan udang harimau ini,” kata beliau.